

Menyokong Perniagaan Kami

Mengatasi Cabaran, Tampil Lebih Kuat



Isi Kandungan

02	Kata pengantar
03	Pakej Penstabilan dan Bantuan
04	Mempertingkat Keupayaan untuk Merebut Peluang
	Mempertingkat Keupayaan
06	Pembangunan Perniagaan dan Kepimpinan
08	Pengantarabangsaan
10	Pekerjaan dan Kemahiran
13	Inovasi
16	Pendigitalan
	Sumber Tambahan
18	Pusat SME
19	Pusat Inovasi

Kata Pengantar

Ekonomi global sedang mengalami masa yang sukar. Faktor-faktor seperti perang perdagangan Amerika Syarikat-China, Brexit dan sentimen perlindungan yang meningkat di seluruh dunia telah menyumbang kepada keadaan ini. Wabak sejagat COVID-19 (Penyakit Koronavirus 2019) adalah kebimbangan semasa.

Perniagaan Singapura sedang merasakan kesannya dan sememangnya bimbang. Keutamaan segera adalah untuk membantu perniagaan mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi, sambil membantu mereka tampil lebih kuat dalam jangka masa panjang.

Dalam masa terdekat, Pemerintah akan membantu perniagaan menangani kesan COVID-19 dan gangguan rangkaian bekalan daripada langkah-langkah pembendungan negara lain. **Pakej Penstabilan dan Bantuan** mengandungi langkah-langkah untuk membantu perniagaan dengan aliran tunai mereka dan menampung kemerosotan mendadak dalam permintaan. Pakej ini juga memberi bantuan kepada perniagaan untuk mengekalkan para pekerja mereka.

Sekalipun sedang Pemerintah dan perniagaan menangani cabaran-cabaran segera, perniagaan juga harus bersedia untuk tampil lebih kuat semasa pemulihan. Ekonomi sejagat sedang mengalami perubahan struktur, dengan rantai bekalan yang beralih dan perkembangan teknologi yang pesat. Peluang baru akan timbul dengan semua perubahan ini. Belanjawan 2020 merangkumi langkah-langkah merubah perniagaan kita supaya mereka berada dalam kedudukan yang baik untuk merebut peluang masa hadapan. Langkah-langkah ini akan membolehkan kerjasama yang lebih kukuh, memperdalam keupayaan perusahaan dan meningkatkan kemahiran rakyat kita. Contohnya, firma lebih kecil yang sudah bersedia untuk pertumbuhan boleh memanfaatkan **Pakej Pertumbuhan Perusahaan** yang akan memberi sokongan dari segi khidmat nasihat, penggunaan teknologi dan akses pasaran. Firma lebih matang yang ingin meningkatkan saiz boleh memanfaatkan **Pakej Transformasi Perusahaan**. Pakej ini akan menyediakan sokongan untuk khidmat nasihat, pembangunan kepimpinan, akses pasaran, dan memperdalam keupayaan. Kesemua ini membina atas usaha Pemerintah selama bertahun-tahun untuk mempertingkatkan bantuan bagi perniagaan. Butiran mengenai usaha-usaha ini didapati di bahagian **Mempertingkat Keupayaan** dalam buku ini.

Dengan usaha kolektif perniagaan, rakan-rakan kongsi industri yang bekerjasama dengan Pemerintah, Singapura boleh tampil lebih kuat dan mengukuhkan kedudukan kita sebagai Titik Pertemuan Sejagat-Asia bagi Teknologi, Inovasi, dan Perusahaan.

Pakej Penstabilan dan Bantuan

Keutamaan segera Pemerintah adalah membantu perniagaan kekal berdaya tahan dan membantu perniagaan mengekalkan para pekerja mereka. Pemerintah telah memperkenalkan langkah-langkah bantuan segera untuk membantu perniagaan menangani keadaan COVID-19. Bersama-sama, perniagaan, rakan-rakan kongsi industri dan Pemerintah dapat mengatasi cabaran-cabaran ini.

Aliran Tunai

Rebat Cukai Pendapatan Korporat (CIT) **Baru**

Rebat CIT sebanyak 25% daripada cukai yang perlu dibayar, yang dihadkan pada \$15,000 bagi setiap syarikat, akan diberikan untuk Tahun Taksiran 2020.

Skim Pembiayaan Perusahaan - Pinjaman Modal Kerja SME **Dipertingkat**

Sokongan dipertingkat untuk SME mendapatkan pinjaman modal kerja sehingga \$600,000 untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka.

Rebat Cukai Hartanah (PT) **Baru**

Rebat PT sebanyak 10%/15%/30% cukai hartanah yang perlu dibayar untuk 2020 akan diberikan kepada hartanah komersil yang layak.

Pekerjaan

Inisiatif Suai-Maju (Adapt and Grow) **Dipertingkat**

Manfaat daripada pelanjutan tempoh latihan dan sokongan gaji untuk program penempatan semula pada sektor yang terjejas.

Skim Bantuan Pekerjaan **Baru**

Dapatkan sokongan sekali sahaja untuk mengimbangi 8% gaji (had gaji bulanan sehingga sebanyak \$3,600 untuk setiap pekerja) selama tiga bulan untuk para pekerja tempatan.

Skim Kredit Gaji **Dipertingkat**

Terima 20% dan 15% pembiayaan bersama untuk kenaikan gaji yang layak pada 2019 dan 2020 bagi para pekerja Singapura yang memperoleh gaji bulanan kasar sehingga \$5,000.



Untuk maklumat lanjut, sila ke laman www.singaporebudget.gov.sg



Mempertingkatkan Keupayaan untuk Merebut Peluang

Sekalipun sedang perniagaan berhadapan dengan cabaran hari ini, mereka juga perlu mengambil langkah untuk mengukuhkan kedudukan mereka supaya dapat merebut peluang masa hadapan. Perniagaan boleh melakukan ini dengan terus membina keupayaan dan merubah perniagaan mereka supaya mereka cukup bersedia untuk memanfaatkan peluang-peluang yang baru.

Pemerintah akan terus memberi sokongan kepada perniagaan untuk melakukan ini pada setiap peringkat, untuk setiap saiz syarikat dan setiap matlamat perniagaan. Perniagaan mesti menjalankan peranan mereka dengan memikirkan rancangan perniagaan dan matlamat mereka. Bersama-sama, kita dapat mengembangkan landskap perusahaan Singapura dan menjadi lebih kuat.

Sokongan untuk perniagaan pada setiap peringkat, untuk setiap saiz dan untuk setiap matlamat perniagaan



- Program Pemindahan Keupayaan
- Insentif Ambil Pekerja
- Geran Pengambilan Bekerja Semula secara Sambilan
- Program Bakat Global (GRT)

- Kepimpinan Perusahaan untuk Transformasi (ELT)
- Program Penempatan untuk Eksekutif
- Skim Bantuan Kesediaan Pasaran
- Program Bakat Global (GRT)
- Pelesenan dan e-penasihat GoBusiness
- Akses Pasaran Antarabangsa melalui Wadah Digital
- Insentif Ambil Pekerja
- Kredit Perusahaan SkillsFuture
- Peningkatan Pusat SME – Rakan Kongsi bagi Pertumbuhan Perniagaan
- Program Transformasi Digital untuk SME

- Ekuiti SG Syarikat Pemula Niaga yang Dipertingkat
- Akses Pasaran Antarabangsa melalui Wadah Digital
- Pelesenan dan e-penasihat GoBusiness
- Program Peningkatan Perusahaan di Kawasan Perumahan Awam (HEUP)
- Insentif Ambil Pekerja

*Program-program bertujuan untuk menangani keperluan perniagaan. Peta di atas menunjukkan segmen perusahaan yang diharapkan menjadi sasaran program-program, dan tidak bermaksud kriteria kelayakan.



Pembangunan Perniagaan dan Kepimpinan

Membangunkan dan meningkatkan keupayaan pengurusan dan perusahaan untuk mengembangkan perniagaan.



Geran Pembangunan Perusahaan (EDG) **Pakej Transformasi Perusahaan**

- Menyokong projek-projek dalam tiga kategori utama - keupayaan teras, inovasi dan produktiviti, dan pengantarabangsaan.
- Sokongan yang dipertingkat sehingga 70% diteruskan sehingga 31 Mac 2023.

Skim Pembiayaan Perusahaan (EFS)

- Sokongan pembiayaan untuk memenuhi keperluan perniagaan di pelbagai peringkat pertumbuhan.
- EFS merangkumi enam bidang berbeza - modal kerja, aset tetap, hutang usaha, perdagangan, projek-projek, dan penggabungan dan pengambilalihan.
- Sokongan yang lebih kukuh untuk perniagaan muda.

Untuk penambahbaikan kepada Pinjaman Modal Kerja SME, sila lihat muka surat 3.

Kepimpinan Perusahaan untuk Transformasi (ELT)

Baru **Pakej Transformasi Perusahaan**

- Menyokong para pemimpin perniagaan SME yang mempunyai masa depan yang cerah untuk mencapai pertumbuhan seterusnya, melalui latihan modular berstruktur dalam keupayaan pertumbuhan perniagaan dan membimbing perniagaan dalam membangunkan pelan pertumbuhan perniagaan.
- Menawarkan akses kepada rangkaian alumni untuk pembelajaran dan untuk bekerjasama.
- ELT akan disampaikan oleh rangkaian rakan-rakan kongsi termasuk Institut Pengajian Tinggi (IHL), institusi kewangan, dan pakar-pakar industri.

Program Penempatan untuk Eksekutif **Baru**

Sokongan bagi persatuan perdagangan dan dewan perniagaan untuk melibatkan para profesional yang berpengalaman dengan kepakaran yang berkaitan, dan memadankan mereka dengan perniagaan untuk membantu usaha pembaharuan, pembangunan keupayaan, dan pengantarabangsaan.

E-penasihat GoBusiness untuk Bantuan Pemerintah

Baru **Pakej Pertumbuhan Perusahaan**

Perniagaan boleh mendapatkan panduan tersendiri mengenai bantuan Pemerintah. E-penasihat akan mencadangkan bantuan Pemerintah yang paling relevan kepada perniagaan melalui satu set pertanyaan berkaitan keperluan perniagaan.

E-penasihat akan dilancarkan kelak pada 2020.

Pelesenan GoBusiness

Dipertingkat **Pakej Pertumbuhan Perusahaan**

Perniagaan boleh menantikan proses yang lebih mudah, lebih cepat dan lebih baik apabila mengurus niaga dengan Pemerintah menerusi portal Pelesenan GoBusiness. Portal tersebut memberikan perniagaan baru dalam sektor perkhidmatan makanan satu perjalanan berpandu yang diperkemas untuk permohonan pelesenan. Portal ini akan dikembangkan pada tahun 2020 untuk meliputi urus niaga penting lain oleh perniagaan dengan Pemerintah.

Program Peningkatan Perusahaan di Kawasan Perumahan Awam (HEUP) **Baru**

Pakej sokongan bersepadu bagi Persatuan Pedagang terpilih untuk melaksanakan pelan holistik memperbaharui kawasan melalui peningkatan prasarana, projek peningkatan keupayaan, dan latihan untuk perniagaan dan pekerja.

Kredit Perusahaan SkillsFuture

Baru **Tahap SkillsFuture yang Seterusnya**

Sila rujuk kepada penerangan sepenuhnya di muka surat 11.

Inisiatif Pembangunan Kepimpinan SkillsFuture (SkillsFuture LDI)

Perniagaan boleh memanfaatkan SkillsFuture LDI untuk membangunkan dan/atau meningkatkan program pembangunan kepimpinan dalaman mereka (contohnya tugas di luar negeri dan giliran silang peranan) untuk memperluas saluran bakat Singapura mereka.

Peningkatan Pusat SME - Rakan Kongsi bagi Pertumbuhan Perniagaan

Dipertingkat **Pakej Pertumbuhan Perusahaan**

- Inisiatif perintis untuk perniagaan yang menunjukkan keupayaan mempercepatkan pertumbuhan dan berminat merubah perniagaan mereka dalam bidang seperti pendigitalan, pembangunan bakat dan pengantarabangsaan.
- Pusat SME akan bekerjasama dengan perniagaan ini untuk bersama-sama membangunkan pelan perniagaan dan akan menyokong usaha pelaksanaan.

Sokongan untuk Reka Semula Kerja di bawah Geran Huraian Daya Penghasilan (PSG)

Dipertingkat **Tahap SkillsFuture yang Seterusnya**

Sila rujuk kepada penerangan sepenuhnya di muka surat 16.

Program PACT

Sila rujuk kepada penerangan sepenuhnya di muka surat 14.

Petunjuk ● MNC dan LLE ● Perusahaan Kecil dan Sederhana ● Perusahaan Mikro

*Inisiatif-inisiatif utama bertujuan menangani keperluan perniagaan dan perniagaan daripada sebarang saiz boleh memanfaatkan sebarang inisiatif jika layak.

Pengantarabangsaan

Jelajah ke luar negeri dan rebut peluang daripada pasaran serantau dan sejagat.



Potongan Cukai Berganda untuk Pengantarabangsaan (DTDi)

Dipertingkatkan

Perniagaan boleh memohon potongan cukai ke atas perbelanjaan yang layak dan ditanggung untuk menyokong kegiatan pengembangan perniagaan di luar negeri. DTDi akan dilanjutkan hingga 31 Disember 2025. Mulai 1 April 2020, skop skim ini juga akan diperluas dan akan merangkumi:

- Sokongan untuk kos perundingan pihak ketiga yang berkaitan dengan pembangunan perniagaan luar negeri baru untuk mengenal pasti bakat yang sesuai dan membina rangkaian perniagaan.
- Pengembangan skop untuk menampung perbelanjaan untuk misi perniagaan luar negeri.

Geran Pembangunan Perusahaan (EDG)

Pakej Transformasi Perusahaan

Sila rujuk kepada penerangan sepenuhnya di muka surat 6.

Pusat Luar Negeri Enterprise Singapore

Perniagaan boleh memanfaatkan sokongan kehadiran Enterprise Singapore dalam pasaran perusahaan di lebih daripada 35 lokasi antarabangsa untuk menjana peluang perniagaan baru, mencari rakan kongsi perniagaan dan memperoleh teknologi serta keupayaan baru.

Pakatan Inovasi Sejangat (GIA)

Perniagaan boleh mendapatkan akses kepada rakan-rakan kongsi di luar Singapura untuk inovasi bersama dan pengembangan pasaran.

GlobalConnect@SBF

Baru

Menyediakan khidmat nasihat pasaran dan penghubungan perniagaan dalam pasaran kepada perniagaan Singapura yang ingin mengembangkan atau memperdalam kehadiran mereka di Asia Tenggara dan pasaran-pasaran yang baru berkembang.

Program Bakat Global (GRT)

Dipertingkatkan

Menyokong perniagaan Singapura untuk melatih dan memperdalam pengetahuan pasaran di kalangan pekerja mereka, dan menyokong pelajar IHL tempatan untuk menjalani latihan kerja.

GRT telah dipertingkatkan untuk menggalakkan lebih banyak pelajar pergi ke luar negeri untuk latihan kerja dan penempatan luar negeri, mendalamkan lagi kumpulan bakat untuk perniagaan.

Akses Pasaran Antarabangsa melalui Wadah Digital

Baru **Pakej Pertumbuhan Perusahaan**

Perniagaan boleh mendapatkan permulaan awal di peringkat global. Dapatkan sokongan untuk memanfaatkan platform dan saluran digital untuk mengakses kumpulan pengguna yang lebih besar di luar negeri, dan menguji pasaran baru. Perniagaan juga akan menerima latihan dan sokongan untuk meningkatkan keupayaan e-dagang mereka.

Bantuan Kesediaan Pasaran (MRA)

Dipertingkatkan **Pakej Pertumbuhan Perusahaan**

Perniagaan boleh menantikan perundingan dan sokongan FTA secara mendalam untuk pembangunan perniagaan luar negeri. Bagi menyokong lebih banyak perniagaan tempatan untuk berkembang di luar negeri, geran akan dipertingkatkan:

- Had geran akan dipertingkatkan daripada \$20,000 setahun, kepada \$100,000 bagi setiap pasaran baru dalam tempoh tiga tahun.
- Tahap sokongan 70% akan dilanjutkan selama tiga tahun hingga 31 Mac 2023.

Program PACT

Sila rujuk kepada penerangan sepenuhnya di muka surat 14.

Kredit Perusahaan SkillsFuture

Baru **Tahap SkillsFuture yang Seterusnya**

Sila rujuk kepada penerangan sepenuhnya di muka surat 11.



Petunjuk

● MNC dan LLE ● Perusahaan Kecil dan Sederhana ● Perusahaan Mikro

*Inisiatif-inisiatif utama bertujuan menangani keperluan perniagaan dan perniagaan daripada sebarang saiz boleh memanfaatkan sebarang inisiatif jika layak.

Pekerjaan dan Kemahiran

Sokong para pekerja dalam latihan kemahiran mereka supaya mereka tetap relevan dengan perubahan keperluan industri.



Program Pemindahan Keupayaan

Menyediakan sokongan dana untuk perniagaan membawa para pakar asing untuk memindahkan keupayaan baru kepada pekerja tempatan, atau menghantar pekerja tempatan untuk latihan di luar negeri untuk memperoleh keupayaan baru.

Program Sokongan Kerjaya

Program sokongan gaji untuk menggalakkan majikan menggajikan PMET Singapura yang menganggur dan secara aktif mencari pekerjaan selama 6 bulan atau lebih, atau pekerja berumur 40 tahun dan ke atas yang telah diberhentikan kerja.

Percubaan Kerjaya

Membolehkan majikan menilai kesesuaian pekerjaan pencari kerja melalui percubaan jangka pendek sebelum menawarkan pekerjaan.

Portal Perusahaan untuk Pekerjaan & Kemahiran

Perniagaan boleh meneroka maklumat dan sumber mengenai pekerjaan sesuai dan inisiatif-inisiatif kemahiran di bawah SkillsFuture Singapore dan Workforce Singapore melalui portal sehenti ini untuk menyokong keperluan latihan dan pembangunan modal insan mereka.

Insentif Ambil Pekerja

Baru Pakej Sokongan Pertengahan Kerjaya SkillsFuture

Sokongan untuk majikan yang mengambil pekerja pertengahan kerjaya tempatan yang berumur 40 tahun dan ke atas melalui program-program membaharui semula kemahiran*.

*Program-program membaharui semula kemahiran yang layak untuk insentif ambil pekerja adalah PCP, program PnT untuk pekerja bawahan, dan program peralihan kerjaya oleh pusat-pusat CET.

Skim Pembangunan Perusahaan Langsing

Menyediakan bantuan geran dan sokongan peralihan tenaga kerja asing kepada perniagaan yang menjalankan projek perubahan untuk menjadi lebih langsing dari segi tenaga manusia.

Pusat Kecemerlangan Kebangsaan untuk Pembelajaran di Tempat Kerja (NACE)

Dipertingkatkan Tahap SkillsFuture yang Seterusnya

Perniagaan boleh memanfaatkan ini untuk membina sistem latihan dalaman mereka dan keupayaan pembelajaran di tempat kerja, serta mengesahkan jurulatih tempat kerja menggunakan amalan latihan terbaik dalam kelas melalui penyelesaian yang disesuaikan.

Program Pintu Terbuka

Menyokong majikan menggajikan dan mengekalkan orang kurang upaya menerusi reka semula pekerjaan, latihan dan perkhidmatan penempatan.

P-Max

Membantu SME merekrut, mengurus dan mengekalkan PMET yang baru diambil bekerja secara lebih baik melalui sokongan pembiayaan dan bengkel-bengkel mengenai amalan sumber manusia yang progresif.

Geran Pengambilan Bekerja Semula secara Sambilan

Baru Pakej Sokongan Pekerja Berumur

Sokong perniagaan yang secara sukarela sanggup menyediakan pekerjaan sambilan kepada semua pekerja berumur yang layak dan meminta bekerja semula.

Program Penukaran Profesional (PCP), Program Penempatan dan Latihan untuk Pekerja Bawahan, Program Peralihan Kerjaya oleh Pusat Pendidikan dan Latihan Berterusan (CET)

Dipertingkatkan Pakej Sokongan Pertengahan Kerjaya SkillsFuture

Terima pembiayaan yuran kursus dan/ atau sokongan gaji untuk majikan menggajikan dan memperbaharui kemahiran pencari kerja tempatan.

Tahap sokongan gaji yang dipertingkatkan untuk pencari kerja yang matang sehingga 90% di bawah program-program Penempatan dan Latihan.

Geran Pengamal Awal bagi Pengambilan Pekerja Lanjut Usia

Baru Pakej Sokongan Pekerja Berumur

Menyokong perniagaan dalam meningkatkan umur persaraan dan umur diambil bekerja semula di peringkat syarikat supaya melebihi keperluan minimum menurut undang-undang.

Kredit Perusahaan SkillsFuture

Baru Tahap SkillsFuture yang Seterusnya

Sokongan tambahan untuk majikan yang melabur dalam tenaga kerja dan perubahan perusahaan.

Kredit sehingga \$10,000 bagi setiap firma untuk menampung sehingga 90% perbelanjaan yang dibayar langsung bagi tenaga kerja dan/atau perubahan perusahaan.

Sokongan untuk Reka Semula Kerja di bawah Geran Huraian Daya Penghasilan (PSG)

Dipertingkatkan Tahap SkillsFuture yang Seterusnya

Sila rujuk kepada penerangan sepenuhnya di muka surat 16.

Petunjuk ● MNC dan LLE ● Perusahaan Kecil dan Sederhana ● Perusahaan Mikro

*Inisiatif-inisiatif utama bertujuan menangani keperluan perniagaan dan perniagaan daripada sebarang saiz boleh memanfaatkan sebarang inisiatif jika layak.

Rangka Kerja Kemahiran

Perniagaan boleh menggunakan Rangka Kerja Kemahiran untuk merancang strategi sumber manusia dan rancangan pembangunan bakat mereka. Setiap kerangka menyediakan maklumat penting mengenai sektor, jalur kerjaya, peranan pekerjaan, kemahiran sedia ada dan baru yang diperlukan, dan program latihan yang disarankan.

Bengkel SkillsFuture JumpStart!

Perniagaan boleh belajar mengenai pekerjaan yang ada, sumber kemahiran dan geran melalui bengkel ini yang direka khusus.

Siri SkillsFuture

Perniagaan boleh menggunakan program pendek yang relevan dengan industri ini untuk melatih pekerja dalam bidang yang sedang berkembang dan bidang keutamaan, iaitu analitik data, kewangan, perkhidmatan berkeupayaan teknologi, media digital, keselamatan siber, keusahawanan, pengilangan maju dan penyelesaian bandar.

Program Bekerja dan Belajar SkillsFuture

Dipertingkat Tahap SkillsFuture yang Seterusnya

Perniagaan boleh memupuk dan menggajikan bakat baru menerusi Program Kerja-Belajar daripada peringkat Sijil kepada Pos-Siswazah. Perniagaan akan bersama-sama merancang dan menyediakan dengan Institut Pengajian Tinggi (IHL) dan pembekal swasta yang dilantik.

Pemecut TechSkills (TeSA)

Dipertingkat

Menyokong profesional teknologi maklumat dan perhubungan (ICT) semasa dan juga profesional bukan ICT untuk meningkatkan dan memperolehi kemahiran baru serta pengetahuan domain yang amat diperlukan, dan kekal berdaya saing dan memenuhi cabaran landskap digital yang bergerak pantas.

Program Latihan TeSA yang dipimpin Syarikat akan dipertingkat, untuk memberi lebih banyak sokongan kepada perniagaan yang ingin menggajikan dan melatih PMET yang matang berumur 40 tahun dan ke atas.

Inovasi

Reka produk dan perkhidmatan baru atau tingkatkan proses kerja melalui teknologi dan kerjasama.



Pasar Niaga Kerjasama A*STAR (ACCM)

Platform dalam talian yang membolehkan perniagaan menjalin rangkaian, membentuk hubungan, dan memupuk kerjasama di kalangan syarikat tempatan dan syarikat berbilang negara yang besar.

Pusat Inovasi (COI)

Menyokong perniagaan dalam pembangunan dan pengujian produk teknologi baru, melalui penyediaan kemudahan, perundingan, latihan, dan perkhidmatan teknikal di sektor tertentu.

Makmal Perkhidmatan Digital

Perniagaan bekerjasama dengan IMDA, penyedia teknologi dan institusi penyelidikan untuk menyediakan solusi-solusi digital yang dapat menangani cabaran-cabaran merentasi sektor.

Geran Pembangunan Perusahaan (EDG) **Pakej Transformasi Perusahaan**

Sila rujuk kepada penerangan sepenuhnya di muka surat 6.

Program Permulaan Awal

Meningkatkan akses SME kepada harta intelek (IP) dengan menyediakan lesen bebas royalti dan eksklusif sehingga 36 bulan, untuk IP yang dibangunkan bersama A*STAR.



Petunjuk ● MNC dan LLE ● Perusahaan Kecil dan Sederhana ● Perusahaan Mikro

*Inisiatif-inisiatif utama bertujuan menangani keperluan perniagaan dan perniagaan daripada sebarang saiz boleh memanfaatkan sebarang inisiatif jika layak.

Program Penasihat Inovasi

Perniagaan boleh dibimbing oleh mentor inovasi yang akan menasihati mereka dalam pembangunan strategi inovasi, produk dan penyelesaian baru untuk menangani keperluan pasaran, dan menghubungkan perniagaan kepada teknologi dan rakan perniagaan.

**Dahulu dikenali sebagai Program Ejen Inovasi*

Skim Harta Intelek (IP)

Perniagaan boleh mengakses program bersubsidi termasuk audit IP, nasihat strategi IP, analitik IP dan klinik perniagaan/undang-undang untuk mempercepatkan usaha merealisasikan teknologi, jenama dan IP ke pasaran.

Pengantara Harta Intelek (IPI)

Pasaran dan perundingan dalam talian yang membolehkan perniagaan untuk menghubungi penyedia IP teknologi yang sesuai untuk keperluan perniagaan.

Platform Inovasi Terbuka (OIP)

Perniagaan boleh dipadankan dengan pemilik masalah atau penyedia penyelesaian untuk bekerjasama dan menangani keperluan perniagaan melalui solusi-solusi digital.

Peta Laluan Operasi dan Teknologi (OTR)

Pembangunan peta laluan teknologi untuk melakarkan prioriti-prioriti yang sejajar dengan strategi perniagaan dan rancangan pembangunan. Konsortium OTR (COTR) juga disediakan untuk memenuhi keperluan sekumpulan syarikat.

Program PACT

Bekerjasama dengan perniagaan lain untuk membina keupayaan, berinovasi dan memburu peluang perniagaan baru di pasaran tempatan dan luar negeri. Membiayai sehingga 70% kegiatan yang layak.

Institut Inovasi Makanan dan Bioteknologi Singapura (SIFBI)

Institut baru ini akan mengukuhkan keupayaan R&D Singapura dan menyokong ekosistem inovasi makanan dan bioteknologi kita.

Institut ini akan dibuka secara rasmi pada April 2020.

SG Syarikat Pemula Niaga

Dapatkan pelbagai sokongan untuk syarikat pemula dan usahawan, termasuk:

Pengasas SG Syarikat Pemula Niaga

Menyediakan bimbingan dan geran modal syarikat pemula kepada usahawan kali pertama dengan idea perniagaan yang inovatif.

SG Syarikat Pemula Niaga Berteknologi

Menyediakan pembiayaan untuk syarikat pemula menjalankan ujian Bukti Konsep dan Bukti Nilai untuk teknologi inovatif.

Ekuiti SG Syarikat Pemula Niaga Dipertingkat

Untuk memangkin pelaburan sektor swasta kepada syarikat berasaskan teknologi tinggi tempatan yang mempunyai potensi IP dan sejagat.

Infrastruktur SG Syarikat Pemula Niaga

Menyediakan ruang fizikal (contohnya LaunchPad@one-north) untuk syarikat pemula tumbuh, bereksperimen dan berkembang.

Bakat SG Syarikat Pemula Niaga

Menyokong keperluan bakat syarikat pemula.

Akses Teknologi

Perniagaan boleh mengakses set menyeluruh A*STAR bagi peralatan pengilangan maju dan perkhidmatan sains biotek/bioperubatan, di bawah bimbingan pakar teknikal.

Program Teknologi untuk Peningkatan Keupayaan Perusahaan (T-Up)

Perniagaan boleh mendapat akses kepada bakat daripada Institut Penyelidikan A*STAR dan membina keupayaan R&D dalaman.



Petunjuk ● MNC dan LLE ● Perusahaan Kecil dan Sederhana ● Perusahaan Mikro

**Inisiatif-inisiatif utama bertujuan menangani keperluan perniagaan dan perniagaan daripada sebarang saiz boleh memanfaatkan sebarang inisiatif jika layak.*

Pendigitalan

Membina keupayaan digital yang lebih kuat untuk merebut peluang pertumbuhan dalam ekonomi digital.



Pakej Sokongan Automasi (ASP)

Sehingga 31 Mac 2021, perniagaan boleh memanfaatkan sokongan geran, cukai dan pinjaman untuk membiayai kos penempatan penyelesaian automasi berskala besar.

Geran Huraian Daya Penghasilan (PSG) Dipertingkat

Pakej Pertumbuhan Perusahaan

Perniagaan boleh mengakses pilihan penyelesaian pra-skop yang lebih luas, termasuk penyelesaian dan peralatan IT, serta perkhidmatan perundingan. Dalam perundingan, reka semula pekerjaan akan disokong sebagai permulaan. Perniagaan dapat mencapai keuntungan daya penghasilan, dan menawarkan pekerjaan yang lebih memperkaya dengan gaji yang lebih baik untuk pekerja.

SkillsFuture untuk Tempat Kerja Digital

Membantu perniagaan membina keyakinan digital di kalangan kakitangan dan melengkapi mereka dengan kemahiran digital asas yang diperlukan untuk tempat kerja sepanjang kursus dua hari.

Program Transformasi Digital untuk SME

Perniagaan boleh memanfaatkan sokongan yang terdapat di bawah Program Transformasi untuk SME, program keseluruhan Pemerintah yang membantu perniagaan membangunkan keupayaan digital.

Start Digital Pakej Pertumbuhan Perusahaan

Perniagaan boleh mengambil Pek Start Digital yang menyediakan penyelesaian mudah dalam Perakaunan,

Sistem Pengurusan Sumber Manusia & Gaji Pekerja, Pemasaran Digital, Transaksi Digital dan Keselamatan Siber. Perniagaan boleh mendapatkan pengecualian yuran langganan selama 6 bulan untuk sebarang dua penyelesaian dengan perjanjian kontrak sekurang-kurangnya 18 bulan.

Program Transformasi Digital untuk SME diperluas ke lebih banyak sektor

Pakej Pertumbuhan Perusahaan

Perniagaan boleh menggunakan Pelan-pelan Digital Industri (IDP) sebagai panduan langkah demi langkah mengenai penyelesaian digital khusus sektor yang boleh digunakan di setiap peringkat pertumbuhan perniagaan. IDP untuk lebih banyak sektor sedang dibangunkan secara berperingkat.

Perniagaan boleh menggunakan pelbagai penyelesaian digital generik yang mesra SME yang telah diluluskan, termasuk penyelesaian AI, keselamatan siber dan awan, dengan sokongan pembiayaan daripada Geran Huraian Daya Penghasilan (PSG).

Akses Pasaran Antarabangsa melalui Wadah Digital Baru

Perniagaan boleh mendapatkan permulaan awal dalam usaha untuk berkembang kepada peringkat. Dapatkan sokongan untuk memanfaatkan platform dan saluran-saluran digital untuk mengakses kumpulan pengguna yang lebih besar di luar negeri, dan menguji pasaran baru. Perniagaan juga akan menerima latihan dan sokongan untuk meningkatkan keupayaan e-dagang mereka.



Petunjuk ● MNC dan LLE ● Perusahaan Kecil dan Sederhana ● Perusahaan Mikro

**Inisiatif-inisiatif utama bertujuan menangani keperluan perniagaan dan perniagaan daripada sebarang saiz boleh memanfaatkan sebarang inisiatif jika layak.*

Pusat SME

Perniagaan yang ingin mempertingkatkan keupayaan mereka atau memulakan rancangan perubahan boleh menghampiri Pusat SME di bawah untuk mendapatkan bantuan.

SME Centre@SCCCI

Trade Association Hub
9, Jurong Town Hall Road
#03-18, Singapore 609431
Tel: +65 6337 8381
Email: enquiry@smecentre-sccci.sg

SME Centre@SMCCI

15, Jalan Pinang
Singapore 199147
Tel: +65 6293 3822
Fax: +65 6293 3905
Email: gadvisory@smecentre-smcci.sg

SME Centre@SICCI

SICCI Building
31, Stanley Street
Singapore 068740
Tel: +65 6508 0147
Fax: +65 6223 1707
Email: sme@smecentre-sicci.sg

SME Centre@ASME

167, Jalan Bukit Merah
#03-13, Tower 4, Singapore 150167
Tel: +65 6513 0388
Fax: +65 6513 0399
Email: enquiries@smecentre-asme.sg

SME Centre@SMF

SMF House
2985, Jalan Bukit Merah
Singapore 159457
Tel: +65 6826 3020
Fax: +65 6826 3021
Email: query@smecentre-smf.sg

SME Centre@Central

HDB Hub BizThree
490, Lorong 6 Toa Payoh
#07-11, Singapore 310490
Tel: +65 6715 7580
Email: central@smecentre-sccci.sg

SME Centre@Little India

Little India Arcade
48 Serangoon Road
#01-22, Singapore 217959
Tel: +65 6508 0149
Email: littleindia@smecentre-sicci.sg

SME Centre@NorthEast

Our Tampines Hub
51 Tampines Ave 4
#04-31, Singapore 529684
Tel: +65 6513 0388
Fax: +65 6513 0399
Email: enquiries@smecentre-asme.sg

SME Centre@NorthWest

Woodlands Civic Centre
900, South Woodlands Drive
#06-01, Singapore 730900
Tel: +65 6826 3020
Fax: +65 6826 3021
Email: northwest@smecentre-smf.sg

SME Centre@SouthEast

1, Engku Aman Turn
#03-02, Wisma Geylang Serai
Singapore 408528
Tel: +65 6513 0388
Fax: +65 6513 0399
Email: enquiries@smecentre-asme.sg

SME Centre@SouthWest

The JTC Summit
8, Jurong Town Hall Road
#26-06, Singapore 609434
Tel: +65 6316 1616
Fax: +65 6316 7250
Email: southwest@smecentre-smf.sg

Pusat Inovasi

Pusat-pusat Inovasi (COI) telah ditubuhkan di Institut Pengajian Tinggi (IHL) dan institut penyelidikan awam (RI) untuk mempertingkatkan inovasi teknologi SME. Mereka menyediakan kemudahan, perundingan, latihan, dan perkhidmatan teknikal untuk SME membangun dan menguji projek teknologi dalam sektor tertentu.

Aquaculture Innovation Centre

Temasek Polytechnic
Dr Lee Chee Wee
Tel: +65 6780 6400
Email: leecw@tp.edu.sg

Dr Diana Chan Pek Sian

Tel: +65 6780 5383
Email: peksian@tp.edu.sg

Ms Susila Krishnasamy

Tel: +65 6780 4002
Email: krishnas@tp.edu.sg

Centre of Innovation for Complementary Health Products

Temasek Polytechnic
Mr Martin Cai
Tel: +65 6780 1856
Email: coi-chp@tp.edu.sg

Centre of Innovation for Electronics and IoT

Nanyang Polytechnic
Mr John Fung
Tel: +65 6550 0978
Email: john_fung@nyp.edu.sg

Centre of Innovation for Supply Chain Management

Republic Polytechnic
Mr Edmund Chan
Tel: +65 9232 0228
Email: coi-scm@rp.edu.sg

EcoLabs Centre of Innovation for Energy

Nanyang Technological University, Singapore and Sustainable Energy Association of Singapore
Mr Mahesh Kumar
Tel: +65 6904 1120
Email: mahesh.kumar@ntu.edu.sg

Environmental and Water Technology Centre of Innovation

Ngee Ann Polytechnic
Ms Ida Kwan
Tel: +65 6460 8168
Email: ida_kwan@np.edu.sg

Food Innovation Resource Centre

Singapore Polytechnic
Mr Zen Tan
Tel: +65 6870 4619
Email: zen_tan@sp.edu.sg

Marine and Offshore Technology Centre of Innovation

Ngee Ann Polytechnic
Mr Ang Yee Kiang
Tel: +65 6460 8594
Email: angyeekiang@np.edu.sg

Materials Centre of Innovation

Institute of Materials Research and Engineering, A*STAR
Dr Leong Yew Wei
Tel: +65 6874 3326
Email: leongyw@imre.a-star.edu.sg

Precision Engineering Centre of Innovation

Singapore Institute of Manufacturing Technology, A*STAR
Mr Peter Shi
Tel: +65 6590 3152
Email: zfshi@simtech.a-star.edu.sg

Notes



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi MTI di mti_email@mti.gov.sg /
Enterprise Infoline di enquiry@enterprisesg.gov.sg
atau rujuk www.smeportal.sg.